

05 AUG 1997

Kebersihan (Fokus Berita)

RAKYAT MALAYSIA PERLU JADIKAN KEBERSIHAN SEBAGAI BUDAYA

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melenting kerana ada penduduk kota raya ini tidak mengambil berat mengenai kebersihan, barulah pelbagai pihak terdorong untuk segera bertindak termasuk untuk menguatkuasakan denda maksimum bagi mereka yang membuang sampah di merata-rata.

Antara yang menyatakan kesediaannya untuk terus bertindak ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dilaporkan akan mengenakan denda maksimum RM500 terhadap pesalah dan meningkatkan penguatkuasaannya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh pula berkata penalti yang lebih tinggi saja tidak boleh menjamin negara ini menjadi lebih bersih jika masyarakat masih mengamalkan tabiat buruk membuang sampah di merata-rata.

Ramai yang berpendapat masalah kebersihan berkait rapat dengan sikap masyarakat itu sendiri.

Hanya dua hari sebelum Dr Mahathir membuat tegurannya itu, syarikat swasta Alam Flora Sdn Bhd, baru saja mengambil alih perkhidmatan pembersihan di bandar raya ini daripada DBKL, iaitu pada 1 Ogos lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Mohamed Siraj Abdul Razack berkata kekotoran yang berlaku di Jalan Bukit Bintang seperti yang disebut oleh Dr Mahathir lebih merupakan soal sikap masyarakat.

"Kami mengutip sampah setiap hari di kawasan perdagangan dan tiga kali seminggu di kawasan perumahan manakala tong-tong sampah adalah mencukupi di tempat-tempat awam," katanya.

Di Jalan Bukit Bintang misalnya satu tong sampah disediakan setiap 15 meter tetapi daripada tinjauan yang dibuat oleh para pegawai syarikat itu, masih ada pihak yang sengaja tidak mahu menggunakan tong sampah sebaliknya membuangnya dengan sewenang-wenang.

Mohamed Siraj berkata penguatkuasaan dan penalti tinggi terhadap mereka yang bersalah boleh memberi pengajaran kepada mereka yang lain dengan syarat ia dilakukan dengan tegas dan berterusan, bukannya secara bermusim.

Bagaimanapun yang lebih penting ialah didikan dari kecil mengenai kebersihan misalnya di peringkat sekolah rendah lagi jika kebersihan dimasukkan dalam kurikulum pendidikan.

"Ia mungkin akan mengambil masa lima hingga sepuluh tahun untuk mengubah budaya tetapi jika ia dibuat secara tegas dan berterusan kita akan berjaya," katanya.

Beberapa negara maju seperti Jepun dan Jerman pernah menghadapi masalah yang serupa dan mereka telah berjaya mengatasinya.

"Teguran Dr Mahathir itu wajar diberi perhatian serius untuk memulakan proses pendidikan seperti itu," kata Mohamed Siraj.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Prof Hamdan Adnan turut menekankan mengenai pentingnya diperbetulkan sikap masyarakat mengenai soal kebersihan.

Katanya semangat gotong-royong dan kejiranan yang semakin terhakis di kalangan penduduk bandar merupakan antara faktor masyarakat tidak mengambil berat mengenai soal kebersihan.

"Persatuan-persatuan penduduk di bandar harus menghidupkan semula semangat orang ramai untuk menjaga kebersihan," katanya.

Hamdan mencadangkan agar sistem pendidikan di negara ini dikaji untuk memberi ruang kepada soal kebersihan kerana ia memang dituntut oleh agama.

Beliau tidak menolak kemungkinan bahawa orang ramai memandang ringan

mengenai kebersihan kerana mereka beranggapan bahawa setelah membayar cukai yang pelbagai, mereka menyerahkan soal kebersihan kepada pihak berkuasa.

"Mereka seolah-olah melepaskan geram dengan membuang sampah di merata-rata kerana menganggap mereka telah membayar kos yang tinggi," katanya.

Hamdan juga mengesyorkan agar tong sampah yang secukupnya disediakan untuk kemudahan orang ramai kerana ada rungutan bahawa di tempat-tempat tertentu, tong sampah tidak disediakan. -- BERNAMA

AFY MAI